

## Notis Privasi

1. Data peribadi seperti nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor pasport, nombor telefon, maklumat-maklumat kredit seperti nombor akaun bank dan maklumat- maklumat yang berkenaan, foto atau informasi lain yang berkaitan dengan anda secara langsung atau tidak langsung dan boleh mengenal pastikan identiti anda adalah dibekalkan oleh anda kepada Eisai (Malaysia) Sdn. Bhd. ('Eisai Malaysia'), sebagai seorang pelanggan, bakal pelanggan, rakan bersekutu, rakan perniagaan Eisai Malaysia secara lisan atau bertulis dan/atau dikumpulkan oleh Eisai Malaysia daripada pihak ketiga atau sumber yang sedia ada.
2. Data peribadi yang anda berikan dan/atau dikumpulkan oleh Eisai Malaysia diperlukan untuk tujuan pemasaran produk/perkhidmatan Eisai Malaysia dan perniagaan/operasi am Eisai Malaysia. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenalan produk/perkhidmatan, aktiviti-aktiviti promosi dan perubatan (dan pengaturan logistic oleh agensi pelancongan atau penganjur acara yang dilantik) yang dijalankan oleh Eisai Malaysia dan/atau pengedar/rakan bersekutu Eisai Malaysia dan jualan produk/perkhidmatan Eisai Malaysia melalui persempuanan atau saluran digital elektronik, dan sebarang laporan yang diperlukan oleh agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan yang berkaitan dengan tujuan ini. Jika tidak, Eisai Malaysia tidak akan dapat memasarkan apa-apa produk/perkhidmatan kepada anda atau menjalankan perniagaan/operasi amnya dengan anda.
3. Eisai Malaysia akan memaklumkan anda terlebih dahulu sekiranya data peribadi yang dibekalkan oleh anda akan digunakan untuk tujuan yang berbeza daripada tujuan yang dinyatakan di sini.
4. Anda boleh meminta akses dan/atau membuat sebarang pengubahsuaian atau pembetulan ke atas data peribadi yang dibekalkan dengan menghantar permintaan secara bertulis kepada Eisai Malaysia di [*Unit 701D, Level 7, Tower D, Uptown 5, No. 5, Jalan SS21/39, Damansara Uptown, 47400 Petaling Jaya, Selangor*] atau emel kepada [k-low@eisaimal.com.my](mailto:k-low@eisaimal.com.my) .
5. Maklumat peribadi anda akan disimpan selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dimaksudkan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Maklumat peribadi yang tidak lagi diperlukan untuk diproses akan dimusnahkan atau dihapuskan dengan selamat.

6. Sebarang penggunaan atau pemindahan maklumat peribadi anda akan diproses mengikut Undang-Undang Malaysia “*Personal Data Protection Act 2010*”.
7. Pemprosesan data peribadi oleh Eisai Malaysia termasuk:
  - 7.1 penzahiran data peribadi yang berkenaan kepada syarikat gabungan dan/atau syarikat berkaitan dengan Eisai Malaysia bagi tujuan menjalankan susulan jualan, aktiviti-aktiviti perubatan dan promosi, kaji selidik pasaran, pemasaran produk/perkhidmatan Eisai Malaysia;
  - 7.2. penzahiran data peribadi yang berkenaan kepada agensi-agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan bagi tujuan memohon kelulusan khas atau permit untuk mengimport produk Eisai bagi rawatan pesakit apabila diperlukan;
  - 7.3. penzahiran data peribadi yang berkenaan kepada pihak-pihak ketiga seperti agensi perlancongan, penganjur acara/persidangan, hotel, pemasar-pemasar dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti promosi yang dijalankan oleh Eisai Malaysia, acara/aktiviti yang ditaja oleh Eisai Malaysia dan perniagaan/operasi am Eisai Malaysia;
  - 7.4. data peribadi yang dibekalkan oleh anda kepada Eisai Malaysia dan/atau data peribadi yang dikumpulkan oleh Eisai Malaysia boleh disimpan di pusat data atau ‘server’ pihak- pihak yang ketiga yang boleh diakses oleh syarikat gabungan Eisai Malaysia, Eisai Co. Ltd. di Jepun (“Eisai Japan”).
  - 7.5. data peribadi yang dibekalkan oleh anda kepada Eisai Malaysia dan/atau data peribadi yang dikumpulkan oleh Eisai Malaysia boleh didedahkan kepada agensi-agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan bagi tujuan membantu dalam penyiasatan, pencegahan atau pengesanan jenayah, dan penangkapan atau pendakwaan terhadap pesalah atau mana-mana pihak yang lain di mana Eisai Malaysia dikehendaki oleh undang-undang atau perintah mahkamah untuk berbuat demikian.

### **Deklarasi**

Saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami sepenuhnya Notis Privasi diatas. Saya dengan ini memastikan bahawa butiran yang diperuntukkan di sini adalah tepat dan benar. Melainkan satu permohonan bertulis dihantar oleh saya kepada Eisai Malaysia, saya dengan ini bersetuju bagi pemprosesan dan penggunaan butiran peribadi saya yang diperuntukkan oleh saya dan/atau butiran peribadi yang diperolehi oleh Eisai Malaysia daripada pihak ketiga seperti bagaimana yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

Eisai Malaysia Privacy Notice and Consent Form– Customers, Doctors etc.

Tandatangan:

.....  
Nama:

Tarikh:

Telefon no.:

Email: